

18 SEP 2003

Chan-Swasta/I

JANGAN HARAP KEJAYAAN MENDADAK DARIPADA PROJEK PENSWASTAAN

KUALA LUMPUR, 18 Sept (Bernama) -- Pembangunan pesat operasi pelabuhan, lapangan terbang dan pelabuhan menerusi penswastaan tidak bermakna ia dapat mengubah sistem pengangkutan negara kepada entiti cekap serta-merta, kata Menteri Pengangkutan Datuk Chan Kong Choy hari ini.

Beliau berkata usaha menjadikan sistem pengangkutan menjadi entiti cekap akan mengambil masa kerana industri perlu memberi respons serta memenuhi permintaan yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.

"Penswastaan tidak berakhir dengan sendiri. Ia mesti menghasilkan pelbagai pembaharuan seperti peningkatan kecekapan dan produktiviti perkhidmatan, penggunaan aset dan harga yang kompetitif," katanya.

Chan berkata demikian semasa merasmikan Persidangan Bersama KTM Bhd dan "State Railway of Thailand" ke-24 di sini. Turut hadir ialah ketua setiausaha kementerian Datuk Zaharah Shaari, Pengerusi KTM Bhd Tan Sri Thong Yaw Hong dan Dr Chitsanti Dhanasobhon, Gabenor State Railway of Thailand.

Mengenai perkhidmatan kereta api negara, Chan berkata perkhidmatan antara bandar KTM mempunyai masa depan yang cerah memadangkan perkhidmatan itu akan lebih laju selain merupakan pengangkutan yang selamat dan mudah dan menjadi pilihan bagi perjalanan jarak jauh.

"Dengan siapnya projek landasan berkembar di sektor utara dan selatan, tren akan bergerak lebih laju dan perjalanan menjadi lebih pendek. Kelajuan tren akan meningkat daripada kadar maksimum semasa 120 km sejam kepada 160 km sejam," katanya.

Chan berkata sebaik sahaja projek landasan berkembar siap, perjalanan dari Kuala Lumpur ke Butterworth yang kini mengambil masa tujuh jam setengah, akan hanya mengambil masa tiga jam manakala perjalanan dari Kuala Lumpur ke Johor Baru pula disingkatkan dari enam jam kepada hanya tiga jam.

"Inilah berita baik untuk orang ramai yang memilih jenis pengangkutan yang lebih laju tanpa perlu memandu sendiri. Jika perkhidmatan antara bandar boleh menawarkan tambang yang kompetitif bagi perkhidmatan tren laju kelak, ia akan memberi saingan serius kepada pengangkutan jalan," katanya.

Beliau berkata KTMB mensasarkan peningkatan isi padu penumpang antara bandar dari empat juta setahun sekarang kepada tujuh juta setahun sebaik projek landasan berkembar siap pada 2005 dan seterusnya meningkat kepada 26 juta pada 2020.

Dalam perkembangan lain, Chan berkata Lembaga Pengarah KTMB mencadangkan kepada kerajaan supaya pekerja kereta api dibayar bonus seperti yang dinikmati kakitangan awam.

"Kerajaan sedang mengkaji cadangan itu," katanya.

KTMB dikorporatkan pada 1 Ogos, 1992 mengikut Akta Kereta Api 1991 dan walaupun masih menjadi milik penuh kerajaan, ia kini beroperasi sebagai sebuah organisasi swasta yang bertanggungjawab bagi perolehan dan operasi. Sehingga Mac lepas, KTMB mempunyai 5,000 pekerja.

Ketua Kesatuan Pekerja KTMB Abdul Razak Md Hassan ketika dihubungi Bernama hari ini berkata kesatuan itu meminta pengurusan dan kerajaan membayar bonus kepada pekerja KTMB seperti yang dibayar kepada kakitangan awam.

Tahun ini, kakitangan awam dibayar bonus setengah bulan gaji pada Mei dan akan mendapat setengah bulan bonus lagi seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa membentangkan Bajet 2004 Jumaat lepas.

"Kerajaan telah membayar bonus kepada pekerja KTMB pada tahun-tahun sebelum ini dan walaupun kami belum menerima bonus setengah bulan pada Mei, kami menjangkakan kerajaan akan membayar apa sahaja yang diperuntukan kepada kakitangan awam," kata Razak.

-- BERNAMA

SR AZZ LAT